



**JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

KENYATAAN TAWARAN

Sebut Harga ini adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Gred 'G4', Kategori *Civil Engineering* - Pengkhususan CE19 dan CE21 yang masih sah dan berkuatkuasa. Sila sertakan salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), tempoh sah lakunya masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** daripada tarikh tutup Sebut Harga ini dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

KETERANGAN TAWARAN	:	PROJEK MEMBAIK PULIH ASET PEMBETUNGAN MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PAKEJ 3A - SEKOLAH KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS PERLIS, KANGAR, PERLIS KERJA-KERJA PENGESANAN KEROSAKAN DAN PEMBAIKAN PAIP PEMBETUNGAN SEDIA ADA
NO. SEBUT HARGA	:	PETRA/JPP/PAKEJ3A-RANGKAIANPAIP-SKPKPS/KPM/2026-Q1
JENIS TAWARAN	:	PENYEBUT HARGA YANG BERDAFTAR DI PERLIS SAHAJA

Kod Bidang	Kategori	Pengkhususan	Diskripsi
CE19	Kejuruteraan Awam	Sistem Pembetulan	Kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan dan pembaikan apa-apa binaan sistem pembetulan
CE21	Kejuruteraan Awam	Pembinaan Kejuruteraan Awam	Kerja-kerja pembinaan, penyenggaraan dan pembaikan apa-apa binaan Kejuruteraan Awam

TARIKH MULA TAWARAN : 31 MAC 2026

TARIKH TUTUP TAWARAN : 29 APRIL 2026

TEMPOH SAH LAKU : 90 HARI

LOKALITI :

Lokasi

Negeri : Perlis

Daerah : Kangar

Kehadiran pada taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai Sebut Harga ini dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi dengan membawa Sijil Asal berserta dengan salinan pendua (tidak dikembalikan) semasa membeli Dokumen Sebut Harga. Hanya **penama di dalam PPK, SPKK atau Kementerian Kewangan** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini. **Bayaran dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk Sistem I-Payment.** Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai dan cek tidak akan diterima.

Perihal	Tarikh/Masa	Lokasi	Pegawai Penyelaras	Kehadiran Maksima
- Taklimat dan lawatan tapak PROJEK MEMBAIK PULIH ASET PEMBETUNGAN MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PAKEJ 3A - SEKOLAH KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS PERLIS, KANGAR, PERLIS KERJA-KERJA PENGESANAN KEROSAKAN DAN PEMBAIKAN PAIP PEMBETUNGAN SEDIA ADA	9 APRIL 2026 (KHAMIS) (10.00 PAGI)	BILIK MESYUARAT SEKOLAH KEBANGSAAN PENDIDIKAN KHAS PERLIS, KANGAR, PERLIS https://g.co/kgs/3Ss1qmk 	Pn. Rosmawati Binti Abd Razak	

Dokumen Sebut Harga boleh didapati pada tarikh **9 APRIL 2026 (KHAMIS)** di Bilik Mesyuarat Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Perlis, Kangar, Perlis. **Pembayaran secara perbankan atas talian sebanyak RM50.00 menerusi Sistem *I-payment***

Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga 2** di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetulan, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 29 APRIL 2026 (RABU)**.

Perincian Taklimat

1. PERTANYAAN/PENJELASAN LANJUT

Semua pertanyaan tentang urusan Sebut Harga hendaklah dibuat sama ada secara bertulis, telefon atau faks sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat seperti di bawah;

Alamat: Bahagian Perancangan Strategik
Jabatan Perkhidmatan Pembetulan
Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air
Blok B, Aras 2 Dan 3, Suasana PjH
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya, Malaysia

Telefon : 03-8861 9000
Faks : 03-8861 9010

2. HARGA TAWARAN

Harga yang ditawarkan mestilah dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan mestilah tidak melebihi dua angka perpuluhan sebagai contoh: RM0.12/unit.